

# Kuktem, KUTKM raih anugerah inovasi

Archival News | Berita Harian | 21/04/2006

PENYERTAAN sulung Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) dan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di Pameran Antarabangsa Inovasi, Teknik Baru dan Produk Geneva ke-34, mencatat pencapaian membanggakan apabila berjaya menggondol pingat dalam penyertaan masing-masing.

Kuktem meraih kejayaan besar apabila tiga penyertaan berjaya memenangi pingat iaitu masing-masing satu emas, perak dan gangsa manakala KUTKM, satu emas dan dua gangsa.

Pingat emas Kuktem diraih Ahmad Ziad Sulaiman melalui produk Mobile Ultrasonic Ginger Extraction Pilot Plant, diikuti pingat perak oleh Che Ku Mohamad Faizal Che Ku Yahya (Integrated System of Immobilized Enzymatic Membrane Bioreactor (IMER) for Industrial Waste Biotransformation) dan gangsa, Prof Madya Dr Rosli Abu Bakar (New Design of a 2-Stroke Modular Engine for Multipurpose Usage with Lean Burn Capability).

KUTKM pula menggondol emas melalui Mohd Najib Abdul Manan yang menghasilkan produk Air Pressure Plug, manakala dua pingat gangsa dimenangi Safarudin Gazali Herawan (Carbon Adsorbent for Increasing The Capacity of LPG Storage in Vehicle) dan Kok Swee Leong (Economical Optical Directional Couplers Fabrication Technique).

(END) Source : Berita Harian